NO. SOALAN: 465

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]

RUJUKAN : 9134

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah terhadap Program 6P untuk memastikan pekerja-pekerja asing dapat dikawal selia.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Program 6P yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan pada tahun 2011 merupakan program *'one-off'*. Sehubungan itu, tiada lagi Program 6P kerana Kerajaan akan memberikan tumpuan sepenuhnya dalam pelaksanaan Program Penggajian dan Penempatan Semula ataupun Program *Rehiring.*

Program *Rehiring* ini, merupakan langkah proaktif Kerajaan untuk memberi peluang kepada Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang bekerja secara haram di Malaysia dan diberikan permit kerja yang sah. Program *Rehiring* juga merupakan salah satu iniasitif bagi membolehkan Kerajaan mengetahui jumlah PATI dalam Negara bagi tujuan pemantauan dan memenuhi keperluan senario keselamatan semasa serta memenuhi permintaan majikan untuk mengisi keperluan pekerja di sektor pekerjaan yang dibenarkan sahaja.

Kerajaan mengenakan syarat-syarat yang berkaitan terhadap PATI dan Majikan untuk menyertai Program *Rehiring* dan akan memastikan mana-mana PATI yang tidak layak akan dihantar pulang ke Negara asal mengikut prosedur sedia ada bagi memastikan pengurangan lambakan PATI dalam Negara. Mana-mana Majikan yang didapati menggaji PATI tanpa berdaftar dibawah Program *Rehiring* akan dikenakan hukuman yang berat mengikut perundangan sedia ada melibatkan kesalahan menggaji PATI.